



# TELAN UBAT CIPLAK

■ Sindiket tiru hampir 100 peratus sama dengan produk jenama asal

## NILAI DAN BILANGAN RAMPASAN PRODUK TIDAK BERDAFTAR

TAHUN	BILANGAN	NILAI
2011	33,294	RM22,534,943
2012	40,006	RM23,727,575
2013	33,704	RM43,220,070

## BILANGAN RAMPASAN PRODUK EARMASI DICEMAR RACUN

TAHUN	BILANGAN
2011	2,334
2012	2,344
2013	1,752

## BILANGAN RAMPASAN PRODUK FARMASI DICEMAR RACUN

TAHUN	BILANGAN
2011	204
2012	210
2013	215

## BILANGAN RAMPASAN UBAT TIRUAN

TAHUN	BILANGAN
2011	344
2012	116
2013	52

# GSK lindungi keluaran

**Kuala Lumpur:**Menjalni kerjasama rapat dengan ahli farmasi, pemborong dan syarikat farmaseutikal.

Itu antara langkah diambil syarikat pengeluar produk kesihatan untuk memastikan pihak di-syaki terbabit yang memalsukan produk termasuk ubat tulen keluaran syarikat, diberkas dan didakwa.

Pengarah Perhubungan Regulatori GlaxoSmithKline (GSK) Consumer Healthcare Malaysia Ali Abdullah berkata, pihak GSK bermatlamat melindungi semua pesakit daripada pemalsuan produk keluaran mereka.

Produk kesihatan yang dikeluarkan GSK, antaranya Dequadin, Drapolene, Eno, Eye-Mo, Panadol, Calpol, Cortal, Zentel, Scott's Emulsion,

**Oleh Amir Abd Hamid, Mohd Firdaus Ibrahim dan Yusmizal Dolah** Alingam@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**S**ekurang-kurangnya enam peratus ubat jenama terkenal yang mendapat permintaan dan sering digunakan orang ramai selain boleh dibeli di kaunter (OTC) seperti Panadol, ubat selesema, Minyak Cap Kapak, Viagra dan Eye Mo di seluruh negara adalah ubat tiruan.

Mendedahkan perkara berkenaan, Timbalan Pengarah Kesihatan Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Mazlan Ismail berkata, hasil serbuan dan siasatan yang dilakukan pihaknya mendapati ada pelbagai ubat tiruan dilambatkan dalam pasaran di seluruh negara.

"Ubat tiruan ini adalah ubat boleh dibeli di OTC. Ia juga banyak dijual di kedai runcit, kedai serbaneka dan pasar raya apatah lagi di kaki

lima jalan di seluruh negara," katanya kepada Harian Metro.

Menurut Mazlan, sehingga kini pihaknya mengesan sekurang-kurangnya enam peratus ubat di kaunter yang diciplak dilambatkan di dalam pasaran dan mengakui peratusannya berkemungkinan meningkat tanpa penguatkuasaan.

"Biarpun peratusannya (ubat tiruan) hanyalah enam peratus berbanding ubat 'original', tetapi ia sebenarnya banyak di dalam pasaran," katanya.

Diminta memperincikan jenis ubat tiruan itu, Mazlan berkata, ubat tiruan itu menggunakan jenama popular yang mendapat permintaan dan penggunaan ramai pengguna.

"Jenama seperti Panadol, Minyak Cap Kapak dan Eye

Mo menjadi pilihan sindiket pemalsuan ubat-ubatan jenis OTC ini kerana ia popular di dalam pasaran Malaysia," katanya.

Menurutnya, bagi memperdaya pengguna, sindiket terbabit bertindak menghajikan ubat berkenaan hampir 100 peratus sama dengan ubat tulen.

"Segi bentuk ubatan itu sendiri ia adalah sama, malah pembungkusan yang digunakan turut sama. Tidak cukup dengan itu, sindiket turut bertindak memalsukan hologram Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Biarpun pengguna memeriksanya dengan teliti tanpa pengetahuan yang cukup, saya akui semangnya sukar untuk membezakan yang tulen dan tiruan," katanya.

Mazlan berkata, bagi mengatasi masalah itu pihaknya sudah membekalkan alat pengimbas di semua farmasi di seluruh negara.

"Jika pengguna mahu memastikan ketulenan ubat, mereka boleh datang ke farmasi berhampiran dan menggunakan alat pengimbas itu biarpun membeli ubat berkenaan di kedai runcit," katanya.

Ditanya kesan ubat tiruan itu kepada pengguna, Mazlan berkata, ubat tiruan itu sebenarnya tidak berfungsi seperti ubat tulen.

"Contohnya Panadol, ubat tiruan yang dihasilkan sindiket sebenarnya hanyalah menggunakan tepung biasa. Jadi, sesiapa yang mengalami demam mahupun selesema tidak akan sembuh jika mengambil ubat berkenaan. Begitu jugalah dengan Eye Mo, mungkin mereka (sindiket) menggunakan air paip sahaja.

"Dalam bahasa mudah-

nya, makanlah banyak manapun ubat berkenaan (ubat tiruan), sakit pengguna itu tidak akan bertambah baik dan berkemungkinan bertambah teruk," katanya turut memberitahu, ubat tiruan dijual dengan harga sama seperti ubat tulen yang berada di dalam pasaran.

Katanya, perbuatan sindiket dan penjual yang menjual ubat tiruan ini bukan saja menipu pengguna sebaliknya turut menyusahkan mereka sedang kesakitan.

"Mana tidaknya, sudahlah wang habis, sakit pun tidak baik ataupun bertambah buruk," katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya lebih bijak membeli ubat-ubatan jenis OTC dengan melakukan pembelian di farmasi yang berdaftar dengan KKM.

"Janganlah beli di kedai runcit apatah lagi di kaki lima, sudah tentu ubat itu tidak berkualiti," katanya.

Aquafresh, Sensodyne, Polident, Ribena dan Horlicks.

"GSK turut bekerjasama dengan semua pihak berkuasa tempatan dan kebangsaan yang berkaitan di seluruh dunia untuk memberkas sindiket pemalsuan termasuk pengantara akan disiasat dengan teliti dan jika bersabit kesalahan, akan didakwa," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, GSK juga mengambil langkah sesuai untuk melindungi kesihatan awam termasuk bekerjasama dengan pihak kastam.

Beliau berkata, syarikat menggunakan pangkalan data Persatuan Kastam Sedunia yang bertujuan memudahkan pegawai kastam mengenal pasti barangan palsu dengan lebih pantas iaitu sebelum ia menembusi pasaran.

"Kami juga mengam- bil bahagian dalam sesi latihan untuk pihak berkuasa demi meningkatkan kesedaran mengenai bahaya produk kesihatan palsu serta membantu dalam mengenal pasti produk palsu GSK.

"Di samping itu, GSK menyokong kempen kesedaran yang dianjurkan Persatuan dan Federasi Antarabangsa Pengilang Farmaseutikal (IFPMA) yang boleh dirujuk di laman [www.fightthefakes.com](http://www.fightthefakes.com)," katanya.

**FAKTA**  
6 peratus ubat di kaunter didapati tiruan

## RM90j produk tiruan dirampas

**Kuala Lumpur:** Hampir RM90 juta nilai rampasan produk merangkumi ubat-ubatan, set pelangsi- ngan badan dan perangsang seks tidak berdaftar dengan Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak tiga tahun lalu.

Timbalan Pengarah Kesihatan Bahagian Penguat

Kuasa Farmasi Mazlan Ismail berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu RM23.5 juta pada 2011, RM23.7 (2012) dan RM43.2 pada tahun lalu.

Menurutnya, ia memba- bitkan keseluruhan 107,004 barangan dirampas dan ia dijangka menurun tahun ini selepas pihaknya mengada-

kan kempen serta pema- ntaan berterusan sejak awal tahun lalu.

"Hasil serbuan, ada antara produk farmasi terbabit tu- rut dikategori sebagai dice- mar racun dengan 2,334 rampasan pada 2011, 2,344 (2012) manakala ia didapati menurun kepada 1,752 pada 2013," katanya kepada H- arian Metro semalam.

